UNIT RUJUKAN DAN DOKUMENTASI
DITERIMA
09 OCT 2016
U.R.D
M.B.P.J.

Tengku Amir dimasyhur Raja Muda Selangor

BH
9/10/16
m/s - 3

Info

Tengku Amir Shah

→ **Diputerakan** pada 12 Disember 1990 di San Francisco, hasil perkahwinan Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Puan Nurlisa Idris.

→ **Anakanda** bongsu

Tengku Amir Shah, 25, kemudian menandatangani watikah Lafaz Angkat Sumpah Gelaran sambil disaksikan oleh Tengku Sulaiman Shah; Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Mohd Zabidin Mohd Diah dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya.

Sultan kurniakan keris kebesaran

Sultan Sharafuddin Idris Shah turut berkenan mengurniakan Keris Kebesaran Duli Yang Teramat Mulia

Majlis disempurna Tengku Laksamana Selangor

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Klang

Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam dimasyhurkan sebagai Raja Muda Selangor pada Istiadat Pemasyhuran Gelaran dan Mengangkat Sumpah serta Menjunjung Duli di Istana Alam Shah, di sini.

Pengisytiharan pemasyhuran berkenaan disempurnakan oleh Tengku Laksamana Selangor, Tengku Sulaiman Shah selaku Ketua Adat Istiadat Diraja di hadapan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

***Tengku Amir Shah (kiri) menerima kurniaan** keris kebesaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Istiadat Pemasyhuran Gelaran dan Mengangkat Sumpah serta Menjunjung Duli sebagai Raja Muda Selangor di Balairung Istana Alam Shah, semalam.*

→ **Anakanda** bongsu daripada tiga beradik. Mempunyai dua kekanda, Tengku Zerafina dan Tengku Zatashah.

→ **Pendidikan** awal rendah, menengah di Alice Smith School, Kuala Lumpur sebelum ke Wellington College, United Kingdom (UK) dari 2004 hingga A-Level pada 2009.

→ **Melanjutkan** pengajian ijazah sarjana muda dalam bidang Ekologi dan Biologi Alam Sekitar di Leeds University, UK pada 2014.

→ **Menjalani kursus** persediaan ketenteraan di Akademi Tentera Darat di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 23 September-5 Disember 2014.

→ **Meneruskan latihan** ketenteraan 'Commissioning Course Intake 152' sebelum mendaftar di Royal Military Academy Sandhurst (RMAS), UK. Tamat latihan dengan cemerlang pada 15 April 2016.

→ **Ditauliah sebagai** pegawai tentera berpangkat Leftenan Muda Batalion ke-17 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) pada upacara di Dataran PARAWOOD, Batalion Ke-8 Rejimen Renjer Diraja (Para) di Kem Terendak, Melaka pada 19 Julai 2016.

Raja Muda Selangor kepada putera baginda itu pada istiadat berkenaan yang turut disaksikan kerabat diraja yang lain.

Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyes Abdul Wahid membacakan doa sejurus selesai istiadat berkenaan sebelum Tengku Amir Shah meninggalkan Balairung Seri untuk keluar dari negeri ini selama tujuh hari seperti amalan ditetapkan dan kembali pada 15 Oktober bagi Istiadat Menghadap dan Menjunjung Duli di istana sama.

Selesai istiadat, keberangkatan keluar Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Norashikin dari Balairung Seri disertai sembilan das tembakan meriam sebagai simbol sembilan daerah di Selangor.

Menteri Besar, menteri turut hadir

Istiadat berkenaan turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishamuddin Hussein bersama isteri, Datin Seri Tengku Marsilla Tengku Abdullah serta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Yang turut hadir, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin; barisan EXCO kerajaan negeri, Anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, orang kenamaan serta pegawai kerajaan.